

20 SEP 1998

Mahathir-MPC

MAHATHIR LAWAT PUSAT AKHBAR UTAMA SUKAN KOMANWEL KE-16

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Selepas beberapa siri lawatan ke venue-venue Sukan Komanwel ke-16 sejak bermulanya Sukan Komanwel '98 pada 11 Sept, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meluangkan masa melawat wartawan tempatan dan asing di Pusat Akhbar Utama (MPC) di sini.

Bertempat di Hotel Mint di Sungai Besi, MPC dikendalikan oleh agensi berita nasional Bernama yang bertindak sebagai Hos Agensi Berita (HNA), untuk kemudahan 1,500 wartawan tempatan dan asing daripada media cetak.

Ketibaan Perdana Menteri di MPC disambut pemangku Pengurus Besar merangkap Ketua Pengarang Bernama Syed Jamil Jaafar dan Pengarah MPC Zainoor Sulaiman.

Dr Mahathir diiringi oleh Menteri Penerangan Datuk Seri Mohamed Rahmat dan pegawai kanan Sukom Ninety Eight Berhad.

Dr Mahathir kemudian melawat MPC dan diberikan taklimat mengenai operasi MPC oleh Zainoor.

Beliau juga mengambil kesempatan mendapatkan maklumat balas daripada para penulis sukan mengenai temasya Sukan itu.

Wartawan tempatan dan asing melahirkan rasa puas hati terhadap kemudahan di MPC dan kerjasama yang diberikan kakitangan HNA.

Mereka juga berbesar hati di atas kesudian Dr Mahathir untuk mengunjunginya mereka di MPC.

Gayle Alleyne, seorang wartawan dari Barbados, berkata beliau gembira kerana dapat bertemu dengan Dr Mahathir.

Alleyne berkata beliau berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan oleh MPC.

Dr Mahathir sebelum itu melawat Stadium Nasional di Bukit Jalil di sini untuk melawat acara olahraga.

Sukan Komanwel edisi ke-16 ini berakhir esok.

-- BERNAMA

ES SN AKD